



28 Disember 2017  
28 December 2017  
P.U. (A) 429

**WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
***FEDERAL GOVERNMENT***  
***GAZETTE***

**PERINTAH PASPORT (PENGECUALIAN VISA KEPADA  
PEMEGANG PASPORT BAGI KEGUNAAN RASMI  
REPUBLIK RAKYAT CHINA) 2017**

*PASSPORTS (EXEMPTION OF VISA TO HOLDER OF  
PASSPORT FOR PUBLIC AFFAIRS OF  
THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA PASPORT 1966

### PERINTAH PASPORT (PENGECUALIAN VISA KEPADA PEMEGANG PASPORT BAGI KEGUNAAN RASMI REPUBLIK RAKYAT CHINA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4

Akta Pasport 1966 [*Akta 150*], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Pengecualian Visa kepada Pemegang Pasport Bagi Kegunaan Rasmi Republik Rakyat China) 2017**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018.

#### **Pengecualian**

2. Menteri mengecualikan pemegang Pasport Bagi Kegunaan Rasmi Republik Rakyat China daripada kehendak visa di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) pemegang Pasport itu hendaklah berdaftar dalam sistem pendaftaran dan maklumat perjalanan elektronik yang disediakan oleh Ketua Pengarah dan pendaftaran itu boleh dibuat—

(i) oleh pemegang Pasport itu sendiri; atau

(ii) bagi pihak pemegang Pasport itu, oleh agensi pelancongan di Republik Rakyat China yang berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Malaysia di Republik Rakyat China;

(b) pemegang Pasport itu hendaklah melakukan perjalanan ke Malaysia dalam tempoh tiga bulan selepas dia berdaftar dalam sistem pendaftaran dan maklumat perjalanan elektronik;

- (c) tempoh lawatan pemegang Pasport itu terhad kepada lima belas hari sahaja dan tidak boleh dilanjutkan;
- (d) pemegang Pasport itu hendaklah memasuki dan keluar dari Malaysia hanya melalui lapangan terbang yang dibenarkan atau pas kawalan imigresen seperti yang berikut:
  - (i) melalui udara—
    - (A) U12A Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Sepang;
    - (B) U05 Lapangan Terbang Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang;
    - (C) U15 Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor;
    - (D) U17 Lapangan Terbang Kuching, Bahagian Pertama, Sarawak;
    - (E) U29 Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah;
    - (F) U02 Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi, Kedah;
    - (G) U14 Lapangan Terbang Melaka, Batu Berendam, Melaka;
    - (H) U16 Lapangan Terbang Labuan, Wilayah Persekutuan; atau
    - (I) U23 Lapangan Terbang Miri, Bahagian Keempat, Sarawak; atau

(ii) melalui darat—

- (A) D11 Bangunan Sultan Iskandar, Johor;
- (B) D12A Pos Kawalan Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor;
- (C) D01 Padang Besar, Perlis;
- (D) D06 Bukit Kayu Itam, Changloon, Kedah;
- (E) D20 Sungai Tujoh, Miri, Sarawak; atau
- (F) D22A Pos Kawalan Imigresen Tedungan, Daerah Batu Danau Limbang, Bahagian Kelima, Sarawak;

(e) pemegang Pasport itu tidak dibenarkan untuk memohon apa-apa pas lain di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [L.N. 228/1963];

(f) pemegang Pasport itu hendaklah menaiki penerbangan terus dari Republik Rakyat China ke Malaysia atau memasuki Malaysia melalui Singapura, Thailand atau Brunei, dan mempunyai tiket penerbangan balik terus ke Republik Rakyat China, atau melalui Singapura, Thailand atau Brunei jika pemegang Pasport itu melakukan perjalanan melalui udara;

(g) pemegang Pasport itu hendaklah, semasa ketibaan, mengemukakan bukti bahawa dia mempunyai wang poket yang mencukupi, kad kredit atau kad bank dengan logo *UnionPay* dan mengemukakan jadual perjalannya di Malaysia; dan